

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Dasar Gaji Progresif antara komponen RMK13

Dasar Gaji Progresif antara komponen RMK13

Kementerian Ekonomi akan memulakan proses menggubal dasar bagi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) tahun ini, dengan Dasar Gaji Progresif akan menjadi satu daripada komponen dalam rancangan lima tahun itu, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, penggubalan dan tumpuan kerja dasar yang akan diterjemahkan dalam rancangan lima tahun itu akan ba-

nyak berkait reformasi pasaran kerja.

Katanya, dasar berkenaan akan digarap dengan kerjasama kementerian lain membatik pelbagai komponen bagi membentuk gagasan reformasi pasaran kerja di negara ini.

"Pada pandangan saya, cabaran utama dalam ekonomi kita ialah reformasi pasaran kerja. Kita perlu urus pasaran dan mewujudkan pasaran

kerja dengan bakat yang lebih baik.

"Pasaran bakat kena kompetitif, barulah membolehkan aspirasi membabitkan lonjakan tinggi dalam industri baharu," katanya pada Majlis Amanat Menteri Ekonomi di Putrajaya, semalam.

Rafizi berkata, banyak keputusan yang membabitkan pengukuhan fiskal telah dibuat pada 2023, justeru tahun 2024

adalah pelaksanaannya.

Beliau berkata, Pangkalan Data Utama (PADU) bermula dan penyasaran semula subsidi akan berlaku tahun ini.

Katanya, dalam usaha berkaitan digital dan teknologi juga akan memperlihatkan pelan tindakan Kuala Lumpur 20 (KL20) akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mac ini.

Selain itu, jelasnya, 2024 juga

memperlihatkan Kongres Ekonomi Bumiputera akan diadakan sebagai usaha menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda Bumiputera.

"Pendekatan baharu yang sedang diusahakan Kementerian Ekonomi dan bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), ia akan diterjemahkan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera," katanya.